

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : 19 Mei 2023

SITASI :

M/S : 24

(2023, May 19). *Program Jom Baca Bersama 10 Minit Bentuk Masyarakat Madani Berminda Aktif*, p. 24.



### PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

## Bentuk masyarakat madani berminda aktif

**Kuala Lumpur:** Program Jom Baca Bersama 10 Minit adalah inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca walaupun dalam tempoh singkat.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Salasiah Abdul Wahab berkata, budaya membaca wajar dijadikan gaya hidup dalam masyarakat madani kerana amalan itu memangkin kemajuan bangsa dan negara.

“Dengan wujudnya masyarakat madani berbudaya membaca, negara kita mempunyai rakyat berminda aktif, kreatif, berinovasi dan berkebolehan berfikiran waras.

“Bukan sekadar program ini sahaja, tetapi ada program lain berskala besar, se-



TETAMU menyertai sesi bacaan serentak sempena program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 di Menara Perpustakaan Negara Malaysia. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS.

derhana dan kecil yang diharap dapat melahirkan kebijaksanaan dalam kehidupan masyarakat Mala-

ysia,” katanya selepas merasmikan program itu yang bertemakan Baca Bina Insan, di sini, semalam.

Menurutnya, kuasa dorongan ibu bapa di rumah sangat penting dalam memupuk amalan membaca golongan generasi muda kini.

“Budaya membaca tidak terhad kepada institusi atau jabatan, malah perlu dipupuk dari awal oleh ibu bapa di rumah supaya mereka lebih terbiasa membaca,” katanya.

Beliau turut menyeru masyarakat mengambil peluang dalam era digital kini meningkatkan pembacaan dalam kehidupan.

Menurutnya, terdapat 52.9 juta bahan bacaan eBuku dan ejurnal di platform digital yang disediakan pihaknya untuk keperluan masyarakat.